



Pelita Brunei
PENERBITAN PADA HARI RABU

25 DISEMBER, 1985

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

BERSAMA RAKYAT

Memimpin mana-mana satu bangsa adalah suatu tanggungjawab yang amat berat. Di mana-mana jua negara dan apa jua bentuk kepimpinannya memang tidak kurang dari mengalami berbagai masalah kerana sesuatu negara itu terdiri dari berbilang jumlah penduduk dengan berbagai bentuk cara pemikiran

dan cara kehidupan. Sejak sejarah kepimpinan bermula telah banyak fahaman-fahaman atau 'ism' yang digunakan sama ada secara teori mahu pun secara praktik untuk dapat mewujudkan satu cara pemerintahan yang saksama bagi segenap lapisan masyarakat.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam, tampuk kepimpinan berkisar di sekitar Raja dan Sultan yang telah memerintah negara kita sejak pemerintahan Sultan Muhammad iaitu Sultan yang pertama. Ada dua faktor penting yang mendorong corak pemerintahan ini. Satu daripadanya ialah sokongan rakyat terhadap Raja dan yang kedua perhatian yang diberikan oleh Raja terhadap rakyatnya. Kedua-duanya telah dapat memastikan ketahanan kesultanan Brunei Darussalam sementara banyak kesultanan-kesultanan lain di negara-negara di dunia ini telah bertukar corak pemerintahannya.

Di negara kita tidaklah dapat dinafikan bahawa kedua-dua faktor tersebut terus menjadi teras bagi kemakmuran negara. Ini jelas kelihatan semasa keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke mukim-mukim Kota Batu dan Kuala Belait baru-baru ini. Sambutan yang diberikan ke atas keberangkatan Baginda melambangkan betapa mesranya rakyat terhadap Baginda, kerana sepanjang pemerintahan Baginda telah banyak memberikan peluang-peluang serta kemudahan-kemudahan kepada rakyat dan penduduk negara ini melalui berbagai saluran pentadbiran. Lawatan-lawatan tersebut juga memberikan peluang kepada rakyat dan penduduk mukim-mukim berkenaan untuk lebih berdekatan lagi dengan Baginda. Di samping itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia pula telah membukakan peluang kepada mereka untuk menyuarakan apa-apa jua masalah yang mungkin ada. Kedua-dua pertemuan muhibah itu diadakan secara tidak formal dan ini adalah sesuai dengan hasrat untuk mencapai satu rasa kemesraan yang memang perlu bagi mewujudkan keharmonian negara. Dengan adanya suasana seperti itu juga seluruh penduduk melalui wakil-wakil mereka telah dapat memberikan buah fikiran secara terbuka dan ikhlas. Sikap mengambil kira keperluan-keperluan serta masalah-masalah rakyat ini

bukanlah suatu yang baru. Malah Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga pernah melawat ke beberapa buah mukim di Kampong Ayer dan di kawasan-kawasan pedalaman.

Prinsip "Bersama Rakyat" ini ketara sekali telah membuahkan satu rasa kemesraan yang lebih mendalam. Melalui perhimpunan-perhimpunan tersebut rakyat dapat berkomunikasi secara mendaftar dan Baginda sendiri dapat mengetahui secara "first hand" akan keperluan rakyat di peringkat "grass-root".

Pertemuan-pertemuan ini tidaklah perlu menunggu musim-musim berkempen seperti yang sering dilakukan dalam kempen-kempen politik yang hanya menyerapi golongan-golongan grass-root ini apabila musim menuai padi tiba. Apa yang jelas ialah di negara kita perhatian yang diberikan tidaklah bermusim seperti yang dibuktikan oleh pertemuan-pertemuan tersebut. Telah nyata kepada kita bahawa Baginda telah pun mengamalkan dasar "Bersama Rakyat" maka bagi kita tentunya tidak terkecuali dari membalasnya dengan dasar "Bersama Raja".



RKN KE-5 1986 - 1990: 500 PROJEK TELAH DILULUSKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejumlah 500 projek telah diluluskan oleh kerajaan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelima, demikian kata Datin Hajjah Jusnani, Setiausaha Jawatankuasa Rancangan Kemajuan Negara Kelima dalam sidang akhbar pada Isnin lepas.

Rancangan Kemajuan Negara Kelima, bagi tempoh 1986 hingga 1990, ini disediakan secara menyeluruh dan sistematik dalam mana isu-isu yang penting dan mendesak seperti perkembangan perindustrian masa depan dan memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini telah dianalisa, dinilai serta diperhitungkan secara bijaksana.

Rancangan ini mengandungi matlamat-matlamat jangka panjang dan strategi-strategi utama negara bagi mengekalkan kemakmuran, di samping penekanan perseimbangan kemajuan dalam semua sektor ekonomi dengan menyatukan pendekatan terhadap kemajuan ekonomi dan sosial.

Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak \$3,700 juta telah diperuntukkan dengan menggariskan empat strategi. Pertama, mempergunakan dengan maksima sumber-sumber asli negara. Kedua, memperuntukkan kewangan untuk sektor-sektor produktif. Ketiga, mempercepat lagi kemajuan sumber tenaga manusia dan keempat,

memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk kemajuan perindustrian.

Menurut Datin Hajjah Jusnani lagi bahawa perbelanjaan Rancangan Kemajuan Negara Kelima ini akan diagihkan kepada enam pendekatan. 10 peratus dari jumlah wang yang diperuntukkan dipergunakan bagi bidang perusahaan dan perdagangan. Pengangkutan dan perhubungan sejumlah 20 peratus, perkhidmatan sosial 29 peratus, kegunaan awam 20 peratus, bangunan awam 10 peratus dan keselamatan 10 peratus.

Mengenai dengan anggaran pelaburan modal kerajaan dan sektor swasta menurut harga-harga semasa maka sejumlah \$1,095 juta digunakan bagi tahun 1986; \$1,143 juta bagi tahun 1987; \$1,088 juta bagi tahun 1988; \$1,025 juta bagi tahun 1989 dan sejumlah \$1,155 juta bagi tahun 1990.

Menyentuh tentang perbelanjaan awam 1986-1990, Datin Hajjah Jusnani mengatakan bahawa sejumlah anggaran telah diperuntukkan iaitu \$13,611 juta bagi perbelanjaan biasa dan yang diakui seperti gaji kakitangan dan lain-lain perbelanjaan biasa manakala perbelanjaan kemajuan sepanjang lima tahun tersebut diperuntukkan sejumlah \$2,610 juta. Anggaran ini menunjukkan jumlah perbelanjaan kerajaan bagi RKN ke-5 berjumlah sebanyak \$16,221 juta ber-

banding dengan sebanyak \$11,902.2 juta dalam RKN ke-4.

BANK PEMBANGUNAN

Oleh kerana perkembangan perusahaan adalah satu proses yang berterusan maka adalah perlu dalam masa lima tahun yang akan datang ini diwujudkan keadaan-keadaan asas yang akan membolehkan sektor swasta bukan minyak untuk dipermajukan menuju ke arah perkembangan perusahaan.

Pertimbangan sepenuhnya dalam Rancangan Kemajuan Negara ini di bidang perkembangan perusahaan adalah antara penubuhan sebuah Bank Pembangunan bagi membekalkan kewangan yang diperlukan untuk perusahaan-perusahaan, perniagaan dan perdagangan, mengadakan Skim Pencen Negara atau kumpulan wang simpanan pekerja bagi memberikan jaminan kepada pekerja dalam sektor swasta;

mengadakan Skim Latihan Kebangsaan yang melibatkan kerajaan, majikan-majikan dan pekerja-pekerja untuk membolehkan penggunaan tenaga manusia tempatan dan sepenuhnya dan lain-lain lagi seperti penswastan beberapa perkhidmatan kerajaan yang ada pada masa ini.

Anggaran sumbangan kepada Keluaran Kasar Dalam Negeri bagi sektor swasta bukan minyak ialah pada tahun 1985 dianggarkan harga semasa \$1,370.7 juta; tahun 1986 \$1,576.3 juta; tahun 1987 \$1,812.8 juta; tahun 1988 \$2,084.7 juta; tahun 1989 \$2,397.4 juta dan tahun 1990 ialah dianggarkan harga semasa \$2,757 juta. Anggaran ini menunjukkan bahawa menjelang tahun 1990 kadar Keluaran Kasar Dalam Negeri bagi sektor swasta bukan minyak akan berjumlah sebanyak \$955.0 juta menurut harga 1974 dan \$2,757.0 juta menurut harga-harga semasa.

isu yang bersangkutan-paut pada meningkatkan keadaan ekonomi negara.

Bagaimanapun rancangan tersebut bukan saja bagi jangka lima tahun malahan juga bagi jangka 20 tahun akan datang.

Menyentuh mengenai kemerosotan pasaran minyak, Yang Dimulikan Pehin menjelaskan perkara itu semakin ketara lagi dengan keadaan sedemikian adalah penting bagi kita untuk mempercepatkan lagi proses

Jumlah pelaburan modal bagi RKN ke-5 adalah dianggarkan akan berjumlah sebanyak \$5,506 juta menurut harga-harga semasa, yang mana 39 peratus daripadanya datang dari sektor minyak dan 47.4 peratus dari kerajaan. Kadar sumbangan dari sektor swasta bukan minyak ialah sebanyak 13.6 peratus dari jumlah pelaburan modal, iaitu berdasarkan kepada andaian bahawa Keluaran Kasar Dalam Negeri menurut harga-harga malar bagi sektor ini akan meningkat sebanyak 10 peratus setahun. Pola peruntukan perbelanjaan awam diubah sedikit kepada sektor-sektor yang lebih produktif di masa akan datang selaras dengan hasrat untuk mempercepatkan kemajuan perusahaan di negara ini.

RKN ke-5 seharusnya dipandang sebagai batas peralihan watershed dalam perkembangan ekonomi negara dan tumpuan bagi usaha-usaha kemajuan di

perindustrian dan memajukan bahan-bahan eksport bukan minyak.

"Ke arah itu strategi-strategi telah pun dibentuk dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelima ini dengan ketumpuan diberikan kepada memajukan sektor-sektor yang produktif, mempergunakan dengan optima sumber-sumber asli negara, mempercepatkan lagi kemajuan sumber tenaga manusia dan memperbaiki kemudahan-kemudahan un-

JAWATANKUASA Kemajuan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman dalam Pelancaran RKN Ke-5 pada hari Isnin lepas. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

sepanjang RKN ke-5 ini adalah menggiatkan semula dan meninggikan pertumbuhan dalam sektor-sektor yang produktif. Kejayaan ke arah matlamat ini bergantung sepenuhnya atas penglibatan seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Jawatankuasa Rancangan Kemajuan yang dipengerusikan oleh Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Awang Abdul Rahman, Menteri Pembangunan telah ditubuhkan pada awal tahun 1984 yang anggotanya terdiri daripada Setiausaha Setiausaha Tetap Kementerian-Kementerian, Pengarah Agensi Pelaburan Brunei dan Pengarah Unit Petroleum dengan Datin Hajjah Jusnani, Pengarah Unit Perancang Ekonomi telah dilantik selaku Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Negara ke-5.

tuk kemajuan perindustrian, terangkan Yang Dimulikan Pehin.

Selaras dengan beberapa kajian ini, menurut Yang Dimulikan Pehin, penelitian akan dibuat bagi kemungkinan menubuhkan intitusi-intitusi kerajaan yang perlu ke arah menggalakkan pelaburan dalam negeri dan sistem kewangan yang sempurna seperti bank pembangunan, badan memajukan perindustrian dan badan berkuasa kewangan.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 098 98-164)

(Di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

SEBAGAI JURUTULIS JAWI

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUTULIS JAWI di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 056 16-191

Tanggagaji: C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya empat mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan memperoleh kepujian dalam mata-mata pelajaran pengetahuan Agama Islam dan Bahasa Melayu.

b) Mempunyai latihan asas atau pengalaman luas dalam kerja-kerja khat tulisan Jawi dan berkebolehan menulis lebih daripada satu khat tulisan Jawi.

c) Satu ujian bertulis akan diberikan kepada semua calon untuk memastikan kelayakan dan pengalaman.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

i) Bertugas menulis semua perkara dan kerja-kerja

yang memerlukan tulisan Jawi.

ii) Membantu mengusahakan penulisan dan penerbitan buku bacaan Jawi.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bil. Pendaftaran: 158/1985.

Tarikh tutup: 30 Januari, 1986.

(E/997/74)

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 dan 40 tahun dan mestilah boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

b) Pemohon-pemohon mestilah berpengalaman dalam kerja-kerja memandu Outboard sekurang-kurangnya dua tahun dan mengetahui sungai-sungai di Daerah Temburong serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon yang tinggal di Kampong Ayer adalah diutamakan.

2) TRADESMAN TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 055 03-956)

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 20 tahun ke atas.

b) i) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Sijil City and Guilds atau Sijil Sekolah Pertukangan yang tertentu atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan di (b) i) tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya selama 3 tahun sebagai tradesman di sesebuah workshop motor/mesin-mesin.

3) PENJAGA MALAM: (Bilangan Kod: 002 58-941)

(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 45 tahun.

b) Hendaklah tahu menulis dan membaca.

c) Pemohon-pemohon yang berumur lebih daripada 45 tahun dan mereka yang telah bersara boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

d) Pemohon-pemohon yang tinggal di kawasan-kawasan yang berdekatan dan pernah bekerja secara bergaji hari adalah diutamakan.

4) PEMANDU KERETA TINGKAT I:

(Bilangan Kod: 088 98-519)

(Di Jabatan Hal Ehwal Agama Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: F. 4-5 EB. 6 — \$620-\$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Pemohon-pemohon mestilah telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama tiga tahun.

d) Mempunyai pengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

5) PEMANDU TINGKAT II:

(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: F. 3-4 EB. 5 — \$550-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

b) Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.

c) Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan kelas 11 (sebelas) serta pengalaman memandu semua juga jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

6) KELASI TINGKAT II: (Bilangan Kod: 060 98-141)

(Bahagian Kejuruteraan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan sebaik-baiknya tidak melebihi 22 tahun.

b) Pemohon-pemohon mestilah tamat persekolahan Darjah VI aliran Melayu atau Inggeris.

c) Pemohon-pemohon mestilah sihat tubuh badan, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus ujian penglihatan yang diluluskan serta boleh berenang.

Tugas-tugas:

Calon-calon yang berjaya akan menjalankan tugas-tugas am selaku kelasi di Bahagian Kejuruteraan kapal-kapal besar dan kecil Jabatan Laut. Selepas menjalani perkhidmatan laut yang diluluskan pegawai-pegawai yang

terpilih dikehendaki menghadiri kursus pengajaran dan latihan untuk mengambil peperiksaan bagi mendapatkan Sijil-Sijil Kecekapan selaku Pemandu-Pemandu Engine.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 15 Januari, 1986.

(E/989/74)

Bilangan Pendaftaran: 154/1985.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

1.0 Nama projek:

Bilangan tawaran: JKP/20/1985
RANCANGAN PERPINDAHAN-PERUMAHAN
NEGARA BUKIT BERUANG, TUTONG
KERJA-KERJA TANAH DAN INFRASTRUKTUR
PERINGKAT II.

2.0 Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Kawasan Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam
mulai dari Rabu 11 hingga 28 Disember, 1985.

3.0 Ke'ayakan Pemborong: Kelas 'A' yang berdaftar di

Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagar tawaran: \$10,000.00 + \$150.00 (dokumen)

+ \$100.00 (lukisan).

5.0 Tarikh tutup: Hari Isnin 30 Disember, 1985 jam 12.00

tengah hari.

6.0 Syarat-syarat tawaran:

6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);

6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;

6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi,
Lembaga tawaran,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Tingkat Empat,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan,
Tingkat 3,
Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
Lapangan Terbang Lama,
Negara Brunei Darussalam.

6.5 Cagar tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender);

6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;

6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengesahan tidak akan dilayan; dan

6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Januari, 1986.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh dilihat diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagar tawaran adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

BIL.: PROC/T/01/1986

MEMBEKAL: 400 FT
SELF SUPPORTING
TOWER.
Cagaran: \$300.00.

BIL.: PROC/T/02/1986

MEMBEKAL: ALUMINIUM
SCAFFOLDING.
Cagaran: \$200.00.

BIL.: PROC/T/03/1986

MEMBEKAL: PARACHUTE
AND ACCESSORIES.
Cagaran: \$300.00.

BIL.: PROC/T/04/1986

MEMBEKAL: LIFE
PRESERVER
AIRCREW.
Cagaran: \$300.00.

BIL.: PROC/T/05/1986

MEMBEKAL: ATA
PYROTECHNICS.
Cagaran: \$300.00.

BIL.: PROC/T/06/1986

MEMBEKAL: INTERCOM
EQUIPMENT
AND INSTALLATION.
Cagaran: \$300.00.

BIL.: PROC/T/07/1986

MEMBEKAL: POLYTHENE
TUBE.
Cagaran: \$200.00.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TUKANG LUKIS :

(Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bil : 137/1985 — 1).

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

Pemohon-pemohon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya Tingkatan III dengan kebolehan bertutur Bahasa Melayu dan Inggeris dan sebaik-baiknya telah menamatkan kursus penuh 3 tahun dalam pertukangan kayu dan ilmu tangan (Carpentry and Joinery). Kebolehan dalam lukisan teknikal (Teknikal drawing) adalah diperlukan.

Pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman sebagai tukang pelan di Pejabat arkitek sekurang-kurangnya 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

Pemohon-pemohon akan dikenakan ujian praktikal lukisan teknikal.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab kepada Tukang Lukis Kanan dan membantu beliau dalam kerja-kerja melukis semula pelan yang kurang sesuai dan yang tidak lengkap. Menyediakan pelan-pelan bagi set-set yang ada dalam simpanan. Juga membuat pelan yang dikehendaki bila-bila masa.

2. JURUTEKNIK

KAPAL TINGKAT I :

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

(Bil : 137/85 — 2).

Tanggagaji : D. 2 EB. 3 — \$630-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon mestilah mempunyai sijil kecikapan sebagai Pemandu Enjin Motor Kelas II.

b) Mestilah mempunyai pengalaman sebagai Juruteknik Tingkat II sekurang-kurangnya 2 tahun.

c) Boleh mengawasi dan menjalankan pemeliharaan serta pembaikan ke atas enjin-enjin disel (marine) yang bertenaga hingga 500 kuasa kuda (bHp).

d) Mempunyai kebolehan untuk menulis laporan-laporan, menyediakan senarai-senarai kerosakan di bilik enjin dan sebagainya.

e) Kebolehan untuk bekerja sebagai seorang ahli dalam satu pasukan adalah sangat mustahak.

Tugas-tugas :

i) Bertanggungjawab membantu Juruteknik Kapal Tingkat Khas ke atas pemeliharaan dan perjalanan serta pembaikan jentera dan alat-alat kapal serta alat-alat yang lain di Bahagian Perikanan Laut, Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

ii) Menjalankan tugas-tugas lain yang bersangkut-paut dengan kegiatan-kegiatan Bahagian Perikanan Laut, Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

3. PENOLONG

BILIK GELAP

MENCUCI GAMBAR : (Di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bil : 137/1985 — 3).

Tanggagaji : D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran (termasuk Bahasa Melayu) dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Pemohon yang terdiri dari kakitangan Kerajaan dalam Bahagian V serta mempunyai laporan penilaian prestasi yang memuaskan boleh juga dipertimbangkan.

c) Pemohon mestilah mempunyai pengalaman sebagai Jurugambar atau memproses filem.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

i) Memproses dan mencuci gambar-gambar untuk kegunaan penerbitan Pelita Brunei dan gambar-gambar yang lain jika dikehendaki.

ii) Menyediakan negatif untuk disimpan di Foto Khamah sesudah memprosesnya.

4. PEMBANTU PERHUTANAN :

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

(Bil : 137/1985 — 4).

Tanggagaji : D.3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang mempunyai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sains dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat sekurang-kurangnya selama satu tahun di Jabatan Perhutanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

ATAU

ii) Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) (i) di atas dan telah dan sedang berkhidmat sebagai Pembantu Perhutanan Rendah sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya juga akan dipertimbangkan.

5. PEMBANTU PERHUTANAN RENDAH :

(Di Jabatan Perhutanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D.1-2 EB.3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 18 tahun.

b) i) Pemohon mestilah lulus satu mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya. Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang memperoleh kelulusan dalam mata pelajaran Sains, terutama sekali dalam mata pelajaran Botany atau Biology atau Matematik.

ATAU

ii) Pemohon mestilah lulus dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta telah dan sedang berkhidmat sekurang-kurangnya selama satu tahun di Jabatan Perhutanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

ATAU

c) Pemohon yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman di (b) (i) dan (ii) di atas mestilah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di Jabatan Perhutanan serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan pekerjaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatannya.

perkhidmatannya akan juga dipertimbangkan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa perkerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan bilangan iklan dan nama jawatan yang dipohonkan di dalam orang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyekatkan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Penohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikemalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 15 Januari, 1986.

(E/39/74).

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari Isnin 3 Februari, 1986.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjuk tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog-katalog asal mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran adalah dikehendaki bagi semua tawaran seperti yang diiklankan.

BIL : PROC/T/08/1986
MEMBEKAL : CROCKERY
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/09/1986
MEMBEKAL : LAND ROVER SPARES.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/10/1986
MEMBEKAL : BATTERY CHARGER.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/11/1986
MEMBEKAL : RADAR SPARES.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/12/1986
MEMBEKAL : SHOES LADIES.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/13/1986
MEMBEKAL : MILITARY CLOTHES.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/14/1986
MEMBEKAL : NAVIGATION CHART.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/15/1986
MEMBEKAL : OUTBOARD ENGINE.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/16/1986
MEMBEKAL : INFLATABLE DINGHY.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/17/1986
MEMBEKAL : TRAILER DRASCOMB BOAT
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/19/1986
MEMBEKAL : GENERAL STORES.
Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/18/1986
MEMBEKAL : ARDROX PRODUCTS.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/20/1986
MEMBEKAL : FIRE FIGHTING EQUIPMENT.
Cagaran : \$300.00.

Di Dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Neikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan Brunei Darussalam.

1) PENOLONG PENGAWAS SYARIKAT-SYARIKAT INSURAN :

(Bilangan Kod : 012 44-335) (Di Jabatan Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji : C.2-3 EB.4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Berumur tidak kurang dari 21 tahun ke atas.

b) i) Mestilah mempunyai kelulusan Higher National Diploma (HND) atau TEC Higher Diploma atau Higher National Certificate (HNC) atau BEC Higher Certificate atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya di dalam bidang pengajian Pengurusan/Pentadbiran Perniagaan, Undang-Undang atau Perakaunan.

ATAU

ii) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran da-

lam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa da' am mata pelajaran yang bersesuaian dan mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang insurans dan telah berkhidmat dengan Kerajaan da' am Bahagian III atau firma sekurang-kurangnya 5 tahun akan juga dipertimbangkan.

c) Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

d) Mestilah memiliki keperibadian yang baik.

2) PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH :

(Bilangan Kod : 062 08-114) (Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Tanggagaji : C.1-2-3 EB.4 — \$1280-\$2620 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya memperoleh 2 mata pelajaran di peringkat lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya termasuk mendapat kepujian dalam mata pelajaran Matematik di peringkat lanjutan.

b) Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi seperti memperoleh Diploma atau Certificate da' am Perangkaan akan diutamakan.

c) Pengetahuan dalam sains komputer bagi memprogram angka-angka yang

mudah sangatlah diperlukan.

d) Pengalaman dalam mengumpul, menyusun dan memproses perangkaan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

a) Mengumpul data yang berhubung dengan semua aspek Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan diseluruh Negara Brunei Darussalam.

b) Menyusun data bagi memudahkan tafsiran angka-angka.

c) Memasinkikan dan memproses perangkaan Perubatan dari masa ke semasa.

d) Membantu Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan dalam tinjauan-tinjauan khas terhadap berbagai-bagai bahagian dalam perkhidmatan Kesihatan Umum.

e) Membantu Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan dan Pegawai-Kemudahan - Kemudahan Kesihatan untuk memberikan nakalah bu'anan.

f) Dia juga menja'ankan lain-lain tugas yang berkaitan sebagaimana dan sepertimana dikehendaki oleh Pegawai Perubatan Kanan Bahagian Kesihatan.

g) Dia dikehendaki pergi ke mana-sala tempat di seluruh Negara Brunei Darussalam kerana menjalankan tugas-tugas.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang

dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa perkerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikemalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyekatkan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Tarikh tutup : 13 Januari, 1986.

(E/2060/85)

(Bil. Pendaftaran : 153/1985/

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pemandu Bergaji Hari

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan seperti berikut:

- Nama Jawatan : **PEMANDU BERGAJI HARI**
- Nama Majikan : **JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN**
- Kadar Gaji : **KADAR D \$18.50 - \$21.30 sehari.**

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 20 hingga 40 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
- Mereka mestilah pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan kecil.
- Mempunyai lesen memandu kelas 5 dan 11 adalah merupakan satu kelebihan. Gaji permulaan tertakluk kepada pengalaman dan kelayakan.
- Tugas-tugas dan Tanggungjawab:
- Menjaga dan membersihkan kenderaan-kenderaan jabatan ini.
- Membawa Pegawai-Pegawai jabatan ini untuk membuat lawatan dan pe-

nyajian ke kawasan-kawasan Perpendahan.

- Membawa Pelaya untuk menghantar surat-surat dan memo-memo ke Jabatan Kerajaan dan sebagainya.
 - Membawa Penyeenggara Stok untuk mengambil atau menghantar barang-barang jabatan.
 - Melaga keselamatan kenderaan-kenderaan jabatan ini in penempatan-penempatan di dalamnya.
 - Melaga buku-buku log dan minyak dan sebagainya bagi kenderaan-kenderaan jabatan ini.
 - Membuat laporan-laporan kerakan dan bahagian-bahagian ganti koda Ketua-lahagian ke tas kerosakan kenderaan jabatan ini.
 - Mebaharui lesen tahun-tahun bagi kenderaan jabatan ini.
 - Supa akan dapat menjaga keselamatan kunci-kunci kenderaan dan tidak boleh menyerahkan kepada pegawai-pegawainya kakitangan yang bukan ditugaskan kecuali dengan kebenaran Pengarah Kemajuan Perumahan.
- Pemohon-pemohon adalah dimint untuk mendaftar di bahagian Pusat Pekerjaan, Pejabat Buruh, Tingkat 2, Bangunan Suruhajaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam dan menghantar surat permohonan ke Pejabat Buruh tidak lewat dari 6 Januari 1986.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERTAMN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kecil dan diampatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Rabu, 8 Januari, 1986 bagi perkara-perkara berikut:

JP BIL 57/1985
MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN.

JP BIL 58/1985
MEMBERSIH DAN MEMELIHARA RUMAH SEMBELIH MULAUT.

JP BIL 59/1985
MENGADAKAN PERKHIDMATAN KESELAMATAN BAGI RUMAH SEMBELIH MULAUT.

JP BIL 60/1985
MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN KLINIK HAIWAN.

JP BIL 61/1985
MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN PENGEMBANGAN B/ MUARA.

JP BIL 62/1985
MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN MAKMAL HAIWAN.

Cagaran: \$100.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

2. Lembaga Tawaran Kecil hanya akan menerima tawaran-tawaran yang datang dari Peti Tawaran Kecil sahaja dan tawaran-tawaran

yang diterima ewat dari tarikh ini masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah diletakkan dalam sampul surat yg bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan tajuk tawaran yang berkenaan dan tarikh tutup taran tersebut.

4. Domen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Pejabat Jabatan Pertanian (Lapangan Kewangan), Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bonafide tender yang tidak berjaya).

6. Kewangan Kowah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Binda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

IL : 6/1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 13 Januari 1985 bagi membekalkan perkhidmatan di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara.

PERBEKALAN BATTERY

PERMOHONAN-pemohon yang memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah ini adalah dipelawa untuk dipertimbangkan bagi memasuki Tingkatan I, II, III, IV, V dan VI Bawah Sekolah-Sekolah Menengah Kerajaan bagi tahun persekolahan 1986.

Pemohon-pemohon yang berjaya dipertimbangkan akan diatur dan ditentukan aliran serta sekolahnya oleh jabatan ini dan mereka bolehlah memohon surat berpindah dari sekolah asal hanya setelah mendapat kebenaran masuk dari jabatan ini.

1. KELAYAKAN MEMOHON

Pemohon-pemohon mestilah:—

- 1.1 Terdiri daripada penuntut sepenuh masa yang bersekolah dalam aliran Inggeris pada tahun 1985.
- 1.2 Mempunyai rekod akademik yang baik.
- 1.3 Memenuhi syarat-syarat khas akademik seperti berikut:

1.3.1 Bagi Permohonan Ke Tingkatan I

Lulus Peperiksaan Primary Certificate of Education.

1.3.2 Bagi Permohonan Ke Tingkatan II

Mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education pada darjah yang sepatutnya dan juga lulus peperiksaan sekolah Tingkatan I.

1.3.3 Bagi Permohonan Ke Tingkatan III

Mempunyai kelulusan peperiksaan Primary Certificate of Education dan juga lulus peperiksaan sekolah Tingkatan II.

1.3.4 Bagi Permohonan Ke Tingkatan IV

(aliran Sains, Sastera/Teknikal)
Lulus peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya pada tahun 1985.

Penentuan aliran antaranya adalah tertakluk kepada keputusan mata-mata pelajaran yang bersesuaian.

1.3.5 Bagi Permohonan Ke Tingkatan V

(aliran Sains, Sastera/Teknikal)
Mempunyai kelulusan Brunei Junior Certificate of Education atau peperiksaan yang setaraf dengannya dan juga lulus peperiksaan sekolah Tingkatan IV pada tahun 1985.

Penentuan aliran antaranya adalah tertakluk kepada keputusan mata-mata pelajaran yang bersesuaian.

1.3.6 Bagi Permohonan Ke Tingkatan VI

(aliran Sains/Sastera)
Lulus peperiksaan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa atau Peperiksaan Awam yang setaraf dengannya pada tahun 1985 dan juga memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei bagi memasuki Ke Tingkatan VI Bawah pada tahun 1986.

Penentuan aliran antaranya adalah tertakluk kepada keputusan mata-mata pelajaran yang bersesuaian.

2. TARIKH MEMBUAT PERMOHONAN

- 2.1 Permohonan bagi Tingkatan I, IV dan VI Bawah mula dibuka sebaik sahaja keputusan peperiksaan Primary Certificate of Education, Brunei Junior Certificate of Education dan Brunei Cambridge pada Peringkat Biasa bagi tahun 1985 diumumkan.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL : PPL/MTB/260/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 8 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

RE-INFORCEMENT OF 11KV AERIAL CABLE LINE TO OCEAN QUARRY VIA INSTALLATION OF 35 FEET TUBULAR STEEL POLES (WITH FULL CONCRETE) AND STAY RODS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/262/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 8 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

ELECTRICITY SUPPLY TO KAMPONG MEMBURONG AREA, LAMUNIN VIA L.T. OVERHEAD LINES (30 NOS. 28 FEET POLES).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

BIL : PPL/MTB/265/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 15 Januari, 1986 bagi kerja-kerja berikut:—

EXTENSION OF 11KV / L. T. SYSTEM VIA INSTALLATION OF 35FT. TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS AT JALAN TUNGKU—KAMPONG MATA-MATA LINK ROAD.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.
Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

UNDANG-UNDANG NEGARA DIGELAR AKTA MULAI 1 JANUARI 1986

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Undang-undang negara ini akan digelar Act atau Akta mulai 1 Januari 1986, menurut Syarat-Syarat Akta Penyemakan Undang-Undang 1983, sesuai dengan kedudukan negara ini sebagai sebuah negara yang penuh merdeka.

Sebagai misal, Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah akan disebut 'Akta Penyalahgunaan Dadah' atau 'The Misuse of Drugs Act', sementara Undang-Undang Kecil yakni Subsidiary Legislation yang dibuat di bawah kuasa sesuatu Akta yang bergelar 'Peraturan-Peraturan', 'Perintah' dan 'Aturan-Aturan' adalah tidak berubah sebutannya.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam menjelaskan, perkataan Act atau Akta bagi undang-undang negara ini adalah bagi menggantikan perkataan 'Enactment' yang sekarang tidak lagi sesuai digunakan.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja bersabda demikian di Majlis Pelancaran dan Pengenalan Terbitan Baru Buku Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang berlangsung pada pagi Rabu, 18 Disember lepas di Dewan Serbaguna, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini.

Terbitan baru buku

Oleh Aisah Piee

Undang-Undang Negara Brunei Darussalam yang telah disemak dan disusun semula itu akan berkuatkuasa mulai 1 Januari, 1986.

Kerja-karya penyemakan dan penyusunan semula bagi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bulan Disember, 1981 yang mana dilaksanakan dalam dua peringkat. Peringkat pertama dikendalikan dalam naskah Bahasa Inggeris, sementara peringkat kedua dalam naskah Bahasa Melayu.

Yang Amat Mulia itu bersabda, ini adalah memudahkan perlunya bagi naskah undang-undang itu disediakan supaya mudah didapati oleh mereka yang menghendakinya, yang bukan sahaja terdiri dari peguam-peguam atau pegawai-pegawai kerajaan yang menjalankan dan menguatkuasakan undang-undang, bahkan sesiapa jua yang mahu mengetahui apakah undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di negara ini dalam sesuatu perkara.

Bagi melaksanakan kerja-karya penyemakan tersebut, sabda Yang Amat Mulia itu lagi, Akta Penyemakan Undang-Undang 1983 telah juga memberi kuasa supaya kajian dibuat terhadap

jumlah wang denda yang diperuntukkan oleh undang-undang tertentu sebagai hukuman terhadap kesalahan jenayah agar mencerminkan pertukaran dalam nilai matawang.

"Terbitan baru ini, dari itu mengandungi perubahan-perubahan kepada jumlah denda yang boleh dikenakan bagi sesuatu kesalahan jenayah. Selain daripada denda kuasa juga telah diberikan untuk mengkaji yuran-yuran dan bayaran lain yang tertentu yang kebanyakan telah tidak berubah dalam tempoh 30 tahun yang berlalu," jelas Menteri Undang-Undang itu lagi.

Buku undang-undang itu telah dicetak dalam bentuk loose-leaf sistem iaitu dalam bentuk fail atau jilid bercurai dan juga beberapa naskah dalam bentuk track, iaitu bound volume atau berjilid. Ianya disusun dalam sepuluh volume bagi tiap-tiap satu set dan akan dijual kepada orang ramai dengan harga \$2,000/ bagi loose-leaf set dan \$2,500/ bagi set yang berjilid.

"Saya berharap terbitan baru ini akan dapat memenuhi keperluan-keperluan iktisas undang-undang, dan pegawai-pegawai kerajaan iaitu mereka yang menjalankan dan menguatkuasakan undang-undang dan masyarakat perniagaan dan perusahaan serta orang ramai umumnya yang dikawal dan diliputi oleh kuatkuasa undang-undang negara," jelas Yang Amat Mulia itu lagi.

Hindarkan gejala yang tidak baik

GADONG. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah bersabda penyertaan dalam pergerakan sukarela, seperti berpengakap akan dapat menghindarkan daripada gejala yang tidak baik.

"Dengan penglibatan

Awang-Awang dan Dayang-Dayang di dalam pergerakan sukarela seumpama pergerakan pengakap ini, saya percaya Awang-Awang dan Dayang-Dayang akan dapat mengatasi pengaruh dan anasir jahat yang cuba mempengaruhi Awang-Awang dan Dayang-Dayang itu," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah menyatakan demikian dalam sabda penutupan rasmi Jambori Kebangsaan yang berlangsung selama seminggu bermula pada 14 hingga 20 Disember yang lepas.

Pengalaman yang diperolehi sepanjang menghadiri jambori tersebut, sabda Duli Yang Teramat Mulia, akan dapat dijadikan panduan bagi menghadapi cabaran hidup di mana dewasa ini terdapat pelbagai pengaruh dan anasir yang tidak diingini.

Seterusnya dalam sabda tersebut Duli Yang Teramat Mulia berharap kepada pengakap yang menghadiri Jambori tersebut akan mempergunakan pengalaman daripada jambori itu sebagai panduan dalam menghadapi cabaran hidup.

"Oleh yang demikian" sabda Duli Yang Teramat Mulia, "Awang-Awang dan Dayang-Dayang gunakanlah peluang yang baik yang diperolehi dari penglibatan di dalam pergerakan sukarela ini untuk faedah diri Awang-Awang dan Dayang-Dayang sekali."



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah berkenan menerima sebuah cenderamata yang telah dipersembahkan oleh Ketua Pasukan Pengakap dari Republik Indonesia. — Gambar oleh Ak. Bahar PHO.



PERWIRA Diraja Haji Awang Abdul Hamid bin Haji Mohd. Salleh (atas) dan Perwira Asgar Haji Awang Abdullah bin Unin junjung ziarah ke hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam. — Gambar oleh Pengiran Bahar PHO.

DUA ORANG DIKURNIAKAN GELARAN PERWIRA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan gelaran Perwira Diraja kepada Haji Awang Abdul Hamid bin Haji Mohd. Salleh dan gelaran Perwira Asgar kepada Haji Awang Abdullah bin Unin.

Istiadat mengurniakan surat-surat tauliah kedua-dua mereka telah berlangsung di hadapan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran

Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, di Surau Istana Darul Hana pada pagi Sabtu, 21 Disember lepas.

Surat tauliah bagi Haji Awang Abdul Hamid bin Haji Mohd. Salleh telah dibacakan oleh Muim Awang Hamidon bin Beawan Pehin Siraja Khatib Awang Haji Abd. Hamid.

Manakala surat tauliah bagi Haji Awang Abdullah bin Unin telah dibacakan oleh Muim Haji Awang Mat Jaya bin Ibrahim.

Istiadat tersebut telah dihadiri oleh Pengiran-Pengiran Cheteria dan Yang

Dimulikan Pehin-Pehin.

Perwira Diraja Haji Awang Abdul Hamid, 34 tahun lahir di Kampong Setia Pahlawan dan kini menetap di Kampong Pekilong Muara.

Beliau yang bertugas sebagai Ketua Atenden Hospital mula berkhidmat pada tahun 1971.

Manakala Perwira Asgar Haji Awang Abdullah bin Unin, 33 tahun lahir di Kampong Sultan Lama dan kini menetap di Kampong Lurong Sekuna.

Beliau yang bertugas sebagai Atenden Hospital mula berkhidmat pada tahun 1973.

Ucapan terima kasih

Dari muka 1

Yang Ke5. Antara lain rancangan ini telah menggariskan strategi-strategi seperti berikut:

- * Memprgunakan dengan maksimum sumber-sumber asli negara.
- * Memperuntukkan kewangai untuk sektor-sektor yang produktif.
- * Mempercepatkan lagi kemajuan sumber tenaga manusia.
- * Memprbaiki kemudahan untuk kemajuan perindustrian.

Walaupun bagaimanapun, titah Baginda, sesuatu rancangan ini tidak akan berjaya dalam mencapai tujuan-tujuannya melainkan mereka yang terlibat akan sama-sama mempunyai hasrat dan melibatkan diri dengan sepenuhnya terhadap perlaksananya.

Oleh itu, dengan keyakinan dan keikhlasan Baginda

menyeru setiap rakyat dan penduduk di negara ini sama ada di sektor Kerajaan atau swasta akan bekerjasama, berganding bahu bagi melaksanakan rancangan ini dengan efektif demi untuk mencapai tujuan-tujuan dan matlamat-matlamat deng jayanya.

"Dengan kepercayaan terhadap kemampuan kita sendiri dan dengan bertaklukkan kepada Allah Subhanahu Wataala usaha kita yang berkebiasaan akan mendapat kejayaan lambat launnya," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam di atas sumbangan, kerjasama dan persefahaman mereka di masa lalu dan ke arah itu Baginda berharap mereka akan lebih berusaha dalam menghadapi segala cabaran di tahun-tahun yang akan datang.